

Media Title : Harian Metro
Headline : Penuntut rugi RM60,000
Date : 23 January 2026
Section : Lokal
Page : 19



Penuntut rugi RM60,000

Kuala Terengganu: Seorang penuntut institusi pengajian tinggi berputih mata apabila wang simpanan hampir RM60,000 lesap ditipu sindiket panggilan tidak wujud.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Asisten Komisioner Azli Mohd Noor berkata, mangsa berusia 24 tahun itu membuat laporan di Balai Polis Kuala Terengganu pada jam 10.08 malam semalam.

Menurutnya, pada 27 November lalu ketika berada di daerah Kuala Nerus, mangsa dihubungi oleh pihak yang mengaku kononnya dari pihak Cybersecurity.

Menurutnya, sindiket memaklumkan kononnya mangsa terbabit dalam penyebaran pautan palsu dan meminta mangsa membuat laporan polis sebagai penafian perbuatan itu.

Katanya, sindiket yang menyamar sebagai polis juga maklumkan kononnya mangsa terbabit de-

ngan jenayah pengubahan wang haram dan meminta mangsa memberi kerjasama dalam siasatan.

“Bagi tujuan siasatan mangsa diminta untuk mengosongkan akaun bank miliknya dan memasukkan wang ke akaun sementara yang diberi oleh pihak sindiket.

“Mangsa kemudian memindahkan wangnya ke dua akaun berbeza berjumlah RM59,400 di antara 2 hingga 9 Disember lalu,” katanya.

Beliau berkata, mangsa juga diminta untuk melapor diri kepada pihak berkenaan setiap hari.

Menurutnya, mangsa hanya menyedari dirinya ditipu selepas tidak dapat berhubung dengan sindiket berkenaan selain wangnya juga lesap akibat kejadian itu.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan manakala sumber kewangan adalah wang simpanan hasil tabungan daripada ibu bapa mangsa.